

03/01/2003

Pemuda desak kaji pendekatan hubungan

KUALA LUMPUR, Khamis - Pergerakan Pemuda Umno mendesak kerajaan supaya mengkaji semula pendekatan dalam hubungan dua hala dengan Singapura serta mengutamakan kepentingan nasional dalam segala urusan dengan jiran itu.

Penolong Setiausahanya, Zulkifli Mohd Alwi, berkata ini kerana Singapura terlalu mengutamakan kepentingan negaranya tanpa menghiraukan semangat kejiiran tulin dalam isu dua hala dengan Malaysia selama ini.

"Singapura sudah banyak kali membelakangkan semangat kejiiran dengan Malaysia termasuk isu bekalan air, persempadanan, keamanan dan perdagangan. Republik itu hanya mementingkan keuntungan sendiri dan sering kali bertindak serta membuat kenyataan yang menyinggung perasaan rakyat Malaysia.

"Terbaru, Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong mengajak rakyatnya mengetepikan isu Pulau Batu Putih, malah menganggap lokasi strategik perairan selatan Semenanjung itu sebagai wilayah negara mereka," katanya dalam kenyataan hari ini.

Zulkifli berkata, desakan itu adalah selaras pendirian Pemuda Umno yang menyambut baik pandangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam semua isu dua hala dengan Singapura kerana republik itu tidak menunjukkan semangat kerjasama yang baik.

Katanya, pergerakan itu juga menyokong pendirian tegas kerajaan dalam mempertahankan kedaulatan wilayah Malaysia sekiranya menghadapi sebarang pencerobohan serta serangan mana-mana pihak asing.

"Pihak luar tidak berhak mencerooboh mana-mana negara di dunia ini walau apa sekalipun alasannya, termasuk atas nama membanteras keganasan. Malah negara terbabit boleh mempertahankan wilayah mereka daripada diceroobohi," katanya.